

PENDAPATAN PENCEN

Bayaran yang diterima oleh pesara kerana persaraan

TERMA PENCEN DIKECUALIKAN CUKAI

- > Capai umur persaraan wajib
- > Pencen disebabkan keuzuran / sakit
- > Pencen kecederaan dan cacat anggota
- > Pencen balu dan anak-anak yatim
- > Pencen-pencen politik

PENCEN YANG DIKENAKAN CUKAI

- > Diterima daripada skim pencen yang tidak diluluskan
- > Menerima lebih daripada satu pencen (Perenggan 30, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967)
- > Bersara sebelum mencapai umur persaraan wajib (bersara pilihan)

Maklumat Lanjut Berhubung Pencen Boleh Didapati Daripada Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my

MANFAAT BERUPA BARANGAN

Dalam penggajian, antara manfaat yang diterima oleh pekerja ialah Manfaat Berupa Barangan (MBB). MBB adalah manfaat yang tidak boleh ditukarkan kepada wang dan ia juga tertakluk kepada pengenaan cukai.

Subseksyen 32(1), Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan nilai MBB diambil kira sebagai pendapatan kasar penggajian pekerja adalah suatu amaun yang berpatutan dan munasabah dengan mengikut keadaannya.

Penentuan nilai MBB boleh dibuat menggunakan kaedah formula atau nilai ditetapkan. Nilai MBB boleh dikurangkan jika ia :

- i) Disediakan bagi tempoh kurang dari setahun, atau/dan
- ii) Dikongsi dengan pekerja lain, atau/dan
- iii) Digunakan bagi tujuan perniagaan majikan.

Terdapat beberapa MBB yang dikecualikan daripada cukai, antaranya :

- i) Manfaat pergigian,
- ii) Manfaat penjagaan anak, dan
- iii) Premium insurans kelompok pekerja.

Maklumat lanjut berhubung MBB boleh diperoleh daripada Ketetapan Umum Bil. 11/2019 di Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Perundangan.

PERANAN PEGUAM DIWUJUDKAN BAGI PENGEMUKAAN BORANG NYATA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH MELALUI e-CKHT

Dalam memastikan keperluan pembayar cukai sentiasa diutamakan, peranan peguam telah diwujudkan dalam e-CKHT bagi membenarkan peguam untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) pembayar cukai secara elektronik selaras dengan Seksyen 57A(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Permohonan untuk peranan peguam ini hanya dibenarkan kepada peguam di bawah firma guaman yang berdaftar dengan Badan Peguam. Permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian menerusi Portal MyTax.

Maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan peranan peguam ini boleh dirujuk dalam Manual Pengguna Permohonan Dan Penamatan Peranan Peguam / Wakil Peguam yang boleh dicapai melalui Portal MyTax <https://mytax.hasil.gov.my/> di bawah menu Panduan Pengguna.

GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 2 TAHUN 2024 – PROSEDUR PERMOHONAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI INDIVIDU

Surat penyelesaian cukai (SPC) individu merupakan perakuan yang dikeluarkan oleh HASiL kepada majikan berkaitan hal ehwal cukai pendapatan pekerja yang akan berhenti kerja / bersara / meninggalkan dunia atau hendak meninggalkan Malaysia.

Garis Panduan Operasi Bil. 2 Tahun 2024 – Prosedur Permohonan SPC Individu bertujuan memberi penjelasan berkenaan prosedur permohonan SPC individu mulai dari tarikh permohonan diterima daripada majikan hingga tuntutan cukai di dalam SPC (sekiranya ada) dijelaskan sepenuhnya. Ia juga turut menggariskan tanggungjawab majikan, pekerja dan HASiL berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan.

Maklumat lanjut berhubung garis panduan operasi ini dan yang telah dikeluarkan oleh HASiL boleh dirujuk melalui Portal Rasmi HASiL di pautan www.hasil.gov.my di bawah menu Perundangan.

INFO PKPS 2.0 : PENGEMUKAAN OLEH EJEN CUKAI

Jika pembayar cukai melantik ejen cukai mengemukakan pengakuan sukarela di bawah Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0, ia perlu dilaksanakan melalui kaedah berikut :

- i) Pembayar cukai baharu :
Ejen cukai perlu mengemukakan Borang Nyata melalui Sistem TAeF.
- ii) Pembayar cukai sedia ada :
 - a) Tidak mengemukakan Borang Nyata Ejen cukai perlu mengemukakan Borang Nyata melalui Sistem TAeF.
 - b) Telah mengemukakan Borang Nyata namun terdapat pendapatan yang tidak dilaporkan Ejen cukai perlu log masuk ke Portal MyTax untuk mengemukakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai dengan menggunakan ID individu dan memilih Kategori Ejen Cukai.

Ejen cukai perlu memasukkan maklumat pembayar cukai dengan memastikan maklumat pembayar cukai adalah tepat dan seterusnya memuat naik Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperoleh daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

PEMBAYAR CUKAI DISARANKAN UNTUK TIDAK MEMBERIKAN MAKLUMAT PERIBADI SEPERTI NOMBOR KAD PENGENALAN, NOMBOR AKAUN BANK ATAU NOMBOR OTP (ONE-TIME PASSWORD) KEPADA PIHAK YANG TIDAK DIKENALI. SILA RUJUK DENGAN HASiL BAGI URUSAN PERCUKAIAN ANDA.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.

INISIATIF NASIONAL e-INVOIS

e-Invois diperkenalkan bertujuan untuk memperkemas dan menaik taraf sistem percukaian negara, menggalakkan ketelusan dalam pelaporan pendapatan serta meningkatkan kadar pematuhan cukai. Ia juga dilihat dapat menangani masalah ketirisan hasil negara kesan daripada urus niaga yang tidak dilaporkan dan dimanipulasi.

MEKANISME PENGHANTARAN e-INVOIS

Portal MyInvois
yang dibangunkan
oleh HASiL

Application
Programming
Interface (API)

Nota: Model e-Invois di Malaysia mengguna pakai Model Continuous Transaction Control (CTC), yang mempunyai tahap kawalan yang tinggi bagi validasi data yang diterima oleh HASiL

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI e-INVOIS

- 1) Rujuk laman mikro e-Invois di Portal Rasmi HASiL : www.hasil.gov.my,
- 2) Rujuk Garis Panduan e-Invois dan Soalan Lazim, atau
- 3) Kemukakan e-mel kepada myinvois@hasil.gov.my untuk sebarang pertanyaan dan maklum balas

PENGUNAAN SECARA MANDATORI

e-PERKHIDMATAN

Melalui Portal Mytax : <https://mytax.hasil.gov.my>

MULAI 1 JANUARI 2024